

Bil. 7, Januari 2023

Menyumbang & Berkembang



BIL	JENIS BIASISWA ENDOWMEN	KEMASUKAN 2018/2019	KEMASUKAN 2019/2020	JUMLAH GRADUAN	JUMLAH GRADUAN MENDAPAT PNGK 3.55-3.66	JUMLAH GRADUAN MENDAPAT PNGK 3.67-4.00
1	Merdeka	8		8	1	7
2	Azman Hashim (Kategori Cemerlang)	6		6	1	5
3	Azman Hashim (B40)	12	1	13	9	4
4	Azman Hashim (Kecemerlangan Sukan)		1	1	1	0
5	UTMAlumni	3	2	5	2	3
JUMLAH KESELURUHAN				33	14	19

cemerlang. Seramai 14 orang pelajar telah bergraduan dengan PNGK 3.55 - (42.4 peratus), dan 19 orang pelajar bergraduan dengan PNGK 3.67-4.00 (57.6 peratus).

Penerima Biasiswa Endowmen yang bergraduan merupakan pelajar yang memulakan pengajian pada sesi akademik 2018/2019 (29 orang) dan sesi akademik 2019/2020 (4 orang). Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyumbang Tabung Endowmen kerana dengan sumbangan dana yang diterima, UTM dapat menawarkan pelbagai biasiswa kepada pelajar cemerlang dan kurang berkemampuan (B40).

*Syabas &
Tahniah*

33 PENERIMA BIASISWA ENDOWMEN BERGRADUAN DENGAN CEMERLANG

Dalam Majlis Konvokesyen Universiti Teknologi Malaysia Ke 66, pada 21-25 November 2022, seramai 33 orang pelajar penerima Biasiswa Endowmen UTM telah bergraduan dengan



DAYANG HAFIZLIZAWATI DATU MUHAMMAR - SPPS, FSK



CHEN CHING WEI - SKEM, FKE



PEJABAT ENDOWMEN BERPINDAH KE R02

Pada penghujung April 2022, Pejabat Unit Endowmen UTM telah berpindah dari Aras 4, Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim ke Aras Bawah, Blok R02, Jalan Ladang, UTM Johor Bahru (bersebelahan pejabat Penerbit UTM Press). Pejabat baharu yang terletak di aras bawah akan memudahkan pelanggan yang ingin berurus dengan Unit Endowmen, di samping tersedia kemudahan tempat letak kenderaan yang lebih banyak. Perpindahan ini tidak mengubah talian telefon pejabat Unit Endowmen, dan talian 07-5531024/31043/30283 masih boleh terus digunakan.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ



Assalamualaikum wrt.wbh. dan selamat sejahtera

Pertama sekali izinkan saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2023. Pada kesempatan ini saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua, khususnya kepada pengurusan dan warga UTM, Ahli Jawatankuasa Pemegang Amanah dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan Endowmen UTM, serta para dermawan dan penyumbang yang tidak jemu untuk terus bersama Endowmen UTM dalam menjalankan amanah membantu pelajar cemerlang dan kurang berkemampuan (B40).

SIDANG PENGARANG



Penasihat
Prof. Ts. Dr. Mohd Hamdan Hj. Ahmad



Ketua Pengarang
Prof. Madya Dr Yusof Boon



Pengarang
Baharudin Mastari
Nornazura Isnin
Nur Aidatul Faezah Abdul Rahim



Percetakan
Azizah Rabu
Zuraidah Abd Ghani



Edaran
Mohd. Nouril Ammin Othman
Tn Mohd Khamsani Tn Lega



Tel :
07-5530283/31024/31043
019-5031043



Emel :
endowmen@utm.my
Laman web :
https://endowmen.utm.my

ENDOWMEN UTM KUMPUL LEBIH RM9 JUTA

Pada tahun 2022, sebanyak **RM9,120,085.65** telah berjaya dikumpulkan dan menjadikan jumlah kumulatif dana dalam Tabung Endowmen UTM adalah sebanyak **RM138.24 juta**.

Alhamdulillah, dengan sokongan, derma dan sumbangan yang dihulurkan, banyak pelajar UTM yang kurang berkemampuan (B40) telah dapat dibantu dengan pelbagai bentuk dan kaedah. Ucapan jutaan terima kasih saya sampaikan juga kepada staf Unit Endowmen UTM, walaupun dengan jumlah staf yang terhad dan beban tugas yang tinggi, mereka telah melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan sangat komited dan cemerlang.

Adalah diharapkan bantuan dan kerjasama yang amat baik pada tahun 2022 dapat dikekalkan serta dipertingkatkan, dan semoga tahun 2023 adalah tahun yang lebih cemerlang dan sejahtera kepada kita semua, walaupun dalam situasi global yang tidak menentu dan mencabar.

PROF. MADYA DR YUSOF BOON

Pengarah
Unit Endowmen
Universiti Teknologi Malaysia

RM20 JUTA KAI ENDOWMEN UTM 2023

Universiti telah meletakkan KAI Unit Endowmen pada tahun 2023 adalah sebanyak RM20 juta, dengan sasaran setiap suku tahun adalah seperti di bawah.

Suku 1	Suku 2	Suku 3	Suku 4	JUMLAH
RM2 juta	RM4 juta	RM6 juta	RM8 juta	RM20 juta

KAI yang ditetapkan dapat dicapai daripada pelbagai sumber, antaranya sumbangan filantropic, projek, program dan sebagainya.

SETINGGI-TINGGI TAHNIAH



YBhg. Tan Sri Azman Hj. Mokhtar



YBhg. Tan Sri Che Khalib Mohamad Noh

Seluruh warga UTM mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YBhg. Tan Sri Azman Hj. Mokhtar, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti / Pengerusi Ahli Jawatankuasa Pemegang Amanah Endowmen UTM, atas pelantikan sebagai Chairman, Malaysian International Islamic Financial Centre (MIFC) Leadership Council, oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, dan YBhg. Tan Sri Che Khalib Mohamad Noh, Ahli Jawatankuasa Pemegang Amanah Endowmen UTM, atas penganugerahan darjah kebesaran Panglima Setia Mahkota (P.S.M) yang membawa gelaran Tan Sri, sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi KDYMM Yang di-Pertuan Agong pada 6 Jun 2022. Sekali lagi, syabas dan tahniah kepada kedua-dua YBhg. Tan Sri. Semoga pelantikan dan penganugerahan ini dapat membawa UTM amnya, dan Endowmen UTM khasnya, lebih maju dan cemerlang.

PROGRAM UTM SERAMBI AL-QUDS 2022



Jawatankuasa Induk Program UTM Serambi Al-Quds 2022

Lembaga Pengarah UTM telah bersetuju untuk melaksanakan Program UTM Serambi Al-Quds 2022. Dalam program ini, UTM akan menawarkan tempat dan biasiswa kepada 10 orang pelajar Palaestin untuk mengikuti pengajian program Ijazah Doktor falsafah, dalam pelbagai bidang dan fakulti di UTM, selama enam semester atau tiga tahun.

UTM telah bersetuju menaja yuran pengajian pelajar, sementara kos sara hidup dan keperluan pelajar yang lain adalah daripada sumbangan orang ramai dan pihak korporat. Ahli Jawatankuasa Induk yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Azman Hj. Mokhtar mensasarkan pendaftaran pelajar program ini di UTM dapat dilakukan pada semester 2 sesi 2022/2023. Program ini diuruskan bersama UTM dan Yayasan Hasanah, dan Unit Endowmen UTM telah diberikan amanah untuk menguruskan dana sumbangan untuk program ini.



SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN & TERIMA KASIH

Seluruh warga UTM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBrs. Prof. Dr. Mohd Zaki Kamsah atas sumbang bakti dan kepimpinan cemerlang sebagai Pengerusi, Bahagian Pemajuan, Jab. Tim. Naib Canselor (Pembangunan), UTM, dan mula bersara wajib pada 9 Julai 2022.

BIL.	NAMA	JAWATAN	TARIKH MULA	TARIKH TAMAT
1.	Pn. Afifah Syafiqah bt. Nazir	Penolong Pegawai Tadbir (Kontrak)	2 Mei 2020	9 Mei 2022
2.	Pn. Nur Aidatul Faezah bt. Abdul Rahim	Penolong Pegawai Tadbir (Kontrak)	22 Mei 2022	
3.	Pn. Azizah bt. Rabu	Setiausaha Pejabat (Tetap)	1 Disember 2022	

PERGERAKAN STAF ENDOWMEN



Pada tahun 2022, Unit Endowmen turut terlibat dengan pergerakkan staf. Kepada staf yang berpindah dan menyandang jawatan baharu, diucapkan Selamat Bertugas dan Maju Jaya di tempat baharu. kepada staf yang baharu memulakan tugas di Unit Endowmen, Selamat Datang diucapkan.



PELBAGAI SUMBANGAN ENDOWMEN KEPADA PELAJAR & MASYARAKAT

Pada tahun 2022, seperti juga tahun-tahun sebelumnya, Unit Endowmen terus komited membantu pelajar yang kurang berkemampuan (B40) dan masyarakat yang memerlukan bantuan dalam pelbagai bentuk.

Komitmen Unit Endowmen ini tentunya dengan sokongan dan bantuan pelbagai pihak, khususnya pengurusan dan warga UTM, serta penyumbang individu, organisasi dan pihak korporat.

BANTUAN ENDOWMEN



BIASISWA ENDOWMEN

Pemberian Biasiswa Endowmen kepada 716 orang pelajar UTM yang cemerlang dan B40.



MAKANAN PERCUMA

- ❖ Pemberian lebih 5,000 pak makanan percuma dan penyediaan makanan kering dan minuman di 'Almari Kasih Sayang'.
- ❖ Penyediaan **juadah berbuka** kepada lebih 5,000 pelajar.
- ❖ Pengagihan 4,000 pak daging kepada pelajar, staf dan asnaf sempena Aidiladha.
- ❖ Pemberian **makanan percuma** kepada lebih 10,000 asnaf yang kurang berkemampuan dan terlantar sakit.



BANTUAN DAN PINJAMAN KOMPUTER RIBA

90 unit komputer riba kepada pelajar B40 yang memerlukan, sama ada dalam bentuk pinjaman atau pemberian terus.



BANTUAN BENCANA

1. Bantuan bencana kepada 3 orang pelajar UTM yang ditimpa musibah.
2. Bantuan kepada lebih 5,000 mangsa banjir.



FACE MASK & HAND SANITIZER

Lebih 7,000 unit pemberian facemask & hand sanitizer kepada pelajar & petugas barisan hadapan



BANTUAN KEWANGAN HARI PERAYAAN

1. Lebih 500 pelajar UTM B40 pelbagai kaum dan agama menerima bantuan kewangan Hari Perayaan.
2. Lebih 1000 staf UTM B40, asnaf dan anak-anak di Rumah Mini Kanak-kanak Ulu Tiram menerima bantuan kewangan hari perayaan.

PEMBINAAN SEMULA RUMAH

Pembinaan semula 2 buah rumah pelajar UTM B40 yang musnah terbakar dan terbengkalai.



HAMPIR RM27 JUTA BIAYAI BIASISWA ENDOWMEN UTM

Sejak mula ditawarkan pada tahun 2011 dan sehingga akhir tahun 2022, UTM telah mengeluarkan dana hampir RM27 juta bagi membayai Biasiswa Endowmen UTM dalam pelbagai kategori dan peringkat pengajian, khususnya dalam membantu pelajar cemerlang dari keluarga kurang berkemampuan (B40).

PEMBIAYAAN BIASISWA ENDOWMEN UTM (2011-2022)

Biasiswa Endowmen Ainuddin Wahid telah menaja 16 orang pelajar Pascasiswazah - PhD (2013-2018) dengan jumlah pembiayaan **RM3,352,676.40**.

RM1,623,500.00

Biasiswa Endowmen Azman Hashim

Biasiswa Endowmen Merdeka



RM3,352,676.40

Biasiswa Endowmen Ainuddin Wahid

RM54,000.00

Biasiswa Endowmen Daing Abdul Rahman Daing Mohamad



RM54,000.00

Biasiswa Endowmen Hitam Abdullah

RM935,000.00

Biasiswa Endowmen Al-Bukhary



RM434,500.00

Biasiswa Endowmen UTM Alumni



RM4,500.00

Biasiswa Saripah Ahmad



RM4,500.00

Biasiswa Endowmen Zainab Abdullah

RM26,576,046.40

Tabung Endowmen UTM telah membelanjakan **RM23,223,370.00** untuk pemberian pelbagai Biasiswa Endowmen kepada pelajar program Ijazah Sarjana Muda sehingga Disember 2022.



PROGRAM KEMBARA KORBAN 1001 ASNAF

Universiti Teknologi Malaysia kampus Johor Bahru telah mengadakan majlis penyerahan daging korban sejuk beku dalam Program Kembara Korban 1001 Asnaf 2022, pada 31 Julai 2022. Majlis yang dikelolakan oleh Unit Endowmen UTM merupakan program kerjasama Universiti Teknologi Malaysia dan Yayasan Budi Insan Malaysia (YBIM). Dalam majlis tersebut sebanyak 1,005 bungkus daging (1kg setiap bungkus) telah diagharkan kepada staf B40 dan pelajar UTM berkeluarga, penduduk Desa Bakti, penduduk rumah pangsa Plentong, penduduk rumah pangsa Kangkar Pulai, dan penduduk rumah pangsa Desa Skudai.

Majlis perasmian penyerahan daging korban sejuk beku telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Datuk Ir. Ts. Dr. Ahmad Fauzi Ismail, Naib Canselor UTM, di Foyer Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim, UTMJB. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah YBhg. Dato' Sr Rosli Atan, Pengurus YBIM, pegawai kanan UTM dan YBIM, serta para petugas dan sukarelawan.

SUMBANGAN WANG SAKU DAN MAKANAN KERING

Dalam Majlis Bersama Naib Canselor pada 18 November 2022, Unit Endowmen telah menyerahkan sumbangan makanan kering dan wang saku (RM300.00 seorang) kepada 10 orang pelajar baharu UTM sesi akademik 2022/23 yang datang dari keluarga kurang berkemampuan (B40). Mereka terdiri dari pelbagai kaum, agama, negeri, fakulti dan program pengajian.

TABUNG ENDOWMEN PELAJAR INDONESIA

Jawatankuasa Pengurusan Universiti telah meluluskan cadangan pewujudan Tabung Endowmen Pelajar Indonesia bagi memberi peluang kepada alumni dan pihak korporat dari Indonesia menyumbang ke tabung ini untuk membantu pelajar Indonesia di UTM yang memerlukan bantuan. Sebagai permulaan alumni dari Indonesia, Prof. Ir. Dr. Zainuddin Nawawi telah menyumbang RM10,000.00 ke Tabung Endowmen Pelajar Indonesia.



BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK ENDOWMEN 2022

Pada 30 Mac 2022, Unit Endowmen telah mengadakan Bengkel Perancangan Strategik Endowmen 2022, di Hotel Impiana, Senai, Johor. Bengkel sehari yang dihadiri semua staf Unit Endowmen dan Sahabat Endowmen, telah dirasmikan oleh YBrs. Prof. Dr. Mohd Zaki Kamsah, Pengerusi, Bahagian Pemajuan, Jabatan Tim. Naib Canselor (Pembangunan). Bengkel ini bertujuan untuk menentukan inisiatif dan strategi untuk mencapai KAI Endowmen dalam envision 2022-2025 UTM. Pelbagai inisiatif dan strategi telah dikenal pasti dan diputuskan untuk dilaksanakan sepanjang tahun 2022.

PROGRAM FREE MEAL ON WHEELS

Universiti Teknologi Malaysia Bersama Yayasan Budi Ihsan Malaysia (YBIM) telah melancarkan Program Free Meal on Wheels yang bertujuan memberi juadah Syawal kepada 1001 asnaf yang memerlukan di Lembah Kelang, termasuk pelajar Institusi Pengajian Tinggi yang kurang berkemampuan.



Majlis pelancaran program pada 8 April 2022 telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Rosli Atan, Pengerusi YBIM, di UTM Kuala Lumpur. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Pengarah Endowmen, PM Dr. Yusof Boon, Ketua Pentadbir, Jabatan Tim. Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), UTM Kuala Lumpur, PM Ts. Dr. Sheikh Ahmad Zaki Sheikh Salim, para penyumbang dan tetamu jemputan. Unit Endowmen UTM yang menguruskan kewangan program ini telah menerima sumbangan dana hampir RM1 juta.

SAMBUTAN HARI RAYA & PENYAMPAIAN SUMBANGAN KEPADA PELAJAR B40

Pada 3 Jun 2022, bersama 30 Syawal 1444H, Unit Endowmen telah mengadakan Majlis Sambutan Aidilfitri dan penyampaian sumbangan kepada pelajar B40. Tujuan utama penganjuran majlis tersebut adalah untuk merapatkan hubungan dan menyampaikan ucapan terima kasih kepada pihak yang telah banyak membantu dan memperkasakan Endowmen UTM.

Majlis sambutan hari raya diserikan dengan kehadiran YBrs. Prof. Ts. Dr. Mohd Hamdan Hj. Ahmad, Tim. Naib Canselor (Pembangunan), YBrs. Encik Md Derick Basir, Ketua Pegawai Eksekutif, Johor Port Berhad, wakil dari Bidari Kekal Sdn. Bhd., Bank Muamalat Malaysia Berhad, Yayasan Johor Corporation, Jutawan Sdn. Bhd., YTZ, dan tetamu jemputan.

Majlis yang berjalan penuh mesra dan meriah telah diceriakan dengan penyampaian sumbangan duit raya kepada 20 orang pelajar B40, terdiri daripada pelbagai kaum, agama, program pengajian dan fakulti. Setiap pelajar menerima sumbangan duit raya RM200.00 seorang dan sumbangan telah disampaikan oleh YBrs. Encik Md Derick Basir.



KONVOI SEMARAKKAN SAMBUTAN 50 TAHUN UTM & ULANG TAHUN KEMERDEKAAN MALAYSIA KE 65

Pada 20 Ogos 2022, Unit Endowmen UTM telah berjaya menganjurkan Konvoi Merdeka 50 Tahun UTM 2022, sempena sambutan 50 tahun UTM dan ulang tahun kemerdekaan Malaysia ke 65. Konvoi bermula dari UTM Johor Bahru, dan telah dilepaskan oleh YB Dato' Ismail Karim, Ahli Lembaga Pengarah Universiti, dan berakhir di UTM Kuala Lumpur, yang telah disambut oleh YBhg. Tan Sri Azman Hj. Mokhtar, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, turut singgah di dua hentian, iaitu UTM Pagoh dan Dataran Putrajaya.

Ketika singgah di Dataran Putrajaya, konvoi yang disertai 50 buah kenderaan berplat nombor "UTM" dan 100 buah motorsikal berkuasa tinggi telah disambut dan diraikan oleh Presiden Perbadangan Putrajaya, YBhg. Datuk TPr Fadlun Mak Ujud, yang juga merupakan alumni UTM. Dalam majlis penutup di UTM Kuala Lumpur, penganjur telah menyampaikan sumbangan daripada orang ramai berjumlah RM5,500.00 kepada Rumah Anak Yatim Rahoma Darul Fakir, Jalan Maktab, Kuala Lumpur. Sumbangan telah disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Azman Hj. Mokhtar kepada YBhg. Dato' Hajah Faridah Hj. Omar Shah, Pengetua Rumah Anak Yatim Rahoma Darul Fakir.

Unit Endowmen, selaku penganjur, merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan konvoi ini, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, khususnya kepada pengurusan dan warga UTM, pegawai dan staf Perbadanan Putrajaya, Polis Di Raja Malaysia, UTM Marshall, UTM POC (Plate Owner Club), Persatuan Motorsikal Berkuasa Tinggi (21 persatuan), para penyumbang dana dan peserta konvoi.



"UTM KASIH" BANTU GELANDANGAN DAN ASNAF



Universiti Teknologi Malaysia telah menganjurkan Program "UTM KASIH" bagi membantu mereka yang kurang berkemampuan dengan pemberian juadah berbuka puasa, sahur, kuih dan duit raya. Program yang diselaraskan oleh Unit Endowmen dengan bantuan sukarelawan UTM, UTM Marshall, UTMPOC, BAKES dan PERTISAS, telah mendapat sokongan yang mantap dalam bentuk sumbangan dana sumbangan daripada orang ramai, Johor Port Berhad, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan Syarikat Mohd Nor Sharip. Agihan makanan kepada gelandangan di Bandaraya Johor Bahru telah diadakan pada 15 April 2022. Agihan kuih, minuman dan duit raya kepada staf UTM kurang berkemampuan, asnaf di Taman Sri Pulai, Taman Sri Pulai Perdana, Rumah Pangsa Desa Skudai dan Rumah Pangsa Kangkar Pulai, pada 27 April 2022. Selanjutnya pada 28 April 2022, telah diagihkan juadah dan duit raya kepada gelandangan di Bandaraya Johor Bahru. Jutaan terima kasih kepada para penyumbang dan sukarelawan yang telah menjayakan program ini.



RUMAH ADIK SYAFIQ SIAP DIBANGUN SEMULA

Pembinaan semula rumah adik Syafiq Isyraf Sallehudin, pelajar program Diploma Sains Komputer – Multimedia, UTM Kuala Lumpur, yang musnah terbakar dan tertunda pembinaannya, telah berjaya disempurnakan. Pembinaan semula rumah di Kg. Kuala Telang, Kuala Lipis, Pahang tersebut dengan kos RM56,250.36 hasil sumbangan orang ramai, telah bermula pada April 2022, dan dilaksanakan oleh UTM Construction Research Centre (UTM-CRC), Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA), secara gotong-royong dengan melibatkan staf dan pelajar FKA.



Pembinaan semula rumah adik Syafiq siap sepenuhnya pada bulan September 2022, dan majlis penyerahan kunci rumah tersebut telah dilakukan oleh PM Dr. Yusof Boon, Pengarah Unit Endowmen, kepada ayahnya adik Syafiq, En. Sallehuddin Long, pada 23 September 2022. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah keluarga adik Syafiq, team UTM-CRC, guru besar dan guru SK Kg. Kuala Telang, dan masyarakat setempat. Pihak Universiti merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam pembinaan semula rumah adik Syafiq.

PENGHUNI RUMAH KANAK-KANAK MINI DIRAI

Sempena Sambutan Hari Raya 2022, Unit Endowmen UTM telah meraikan penghuni Rumah Kanak-kanak Mini Ulu Tiram dengan aktiviti pembelian pakaian raya, pemberian kuih dan duit raya, serta majlis berbuka puasa di Forest City Golf & Resort, Johor Bahru, pada 23 April 2022. Aktiviti ini merupakan sebahagian program “UTM KASIH”, dan kos pembelian pakaian raya di Mydin Mutiara Rini dan majlis berbuka puasa telah ditaja oleh Country Garden Pacificview SB. Sementara pemberian kuih dan duit raya adalah sumbangan daripada orang ramai dan syarikat, khususnya sumbangan daripada Johor Port Berhad.

Penghuni Rumah Kanak-kanak Mini Ulu Tiram ini amat teruja dan gembira dapat mengikuti program ini. Mereka merupakan anak-anak yang kurang bernasib baik kerana atas perintah mahkamah, mereka terpaksa tinggal di rumah berkennaan untuk memberi perlindungan kepada mereka yang menjadi mangsa jenayah seksual, mangsa penderaan secara fizikal atau mangsa pengabaian ahli keluarga.

Selain penghuni Rumah Kanak-kanak Mini Ulu Tiram, majlis berbuka puasa turut dihadiri YB Dato' Daing A Malek A Rahaman, YBhg. Prof. Datuk Ir. Ts. Dr. Ahmad Fauzi Ismail, Naib Canselor UTM, pegawai kanan UTM, Pengarah dan staf Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor, staf Rumah Kanak-kanak Mini Ulu Tiram, dan para sukarelawan program.



JOHOR PORT BERHAD SUMBANG RM2 JUTA

Johor Port Berhad terus komited membantu pelajar UTM yang kurang berkemampuan melalui sumbangan ke Tabung Endowmen UTM. Melalui Memorandum Perjanjian (MoA) yang ditandatangani pada 18 November 2022, Johor Port Berhad telah bersetuju menyumbang RM2 juta ke Tabung Endowmen UTM. MoA telah ditandatangani oleh YBhg. Prof. Datuk Ir. Ts. Dr. Ahmad Fauzi Ismail, Naib Canselor UTM, dan YBrs. Encik Md Derick Basir, Ketua Pegawai Eksekutif, Johor Port Berhad.



UTM melalui Unit Endowmen telah menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Prudential BSN Takaful – Syarikat Mohd Nor Sharip, pada 7 Julai 2023, bagi membantu masa hadapan warga UTM dan masyarakat lebih selesa dan bahagia dengan memiliki hibah takaful Pru BSN Warisan Plus. MoA telah ditandatangani oleh Prof. Ts. Dr. Mohd Hamdan Hj. Ahmad, Tim. Naib Canselor (Pembangunan), mewakili UTM, dan En. Mohd Nor Sharip, bagi pihak Prudential BSN Takaful – Syarikat Mohd Nor Sharip. Melalui perjanjian ini, Syarikat Mohd Nor Sharip bersetuju untuk menghulurkan 10 peratus pendapatan syarikat daripada hasil penyertaan warga UTM dan masyarakat yang menyertai program ini dalam hibah Takaful Pru Bsn Warisan Plus ke Tabung Endowmen UTM bagi membantu pelajar yang kurang berkemampuan. Paling menarik program ini ialah warga UTM dan masyarakat yang menyertai program ini berarti mereka telah memiliki pelan perlindungan diri, keluarga dan waris, di samping telah bersedekah (tanpa mengeluarkan wang tambahan) untuk membantu pelajar UTM yang kurang berkemampuan (B40).

MoA UTM – SYARIKAT MOHD NOR SHARIP



UTM HOLDINGS BERI DERMAISWA DAN SUMBANG KE TABUNG ENDOWMEN



UTM Holdings telah melaksanakan tanggung jawab sosialnya dengan menyumbang RM50,000 ke Tabung Endowmen UTM sebagai dermasiswa kepada 10 orang pelajar tahun akhir B40 yang sedang mengikuti pengajian di UTM Kuala Lumpur. Dermasiswa tersebut telah disampaikan oleh Pengurus, UTM Holdings Sdn. Bhd., YBhg. Tan Sri Dato' Mohd Ramli Khusairi kepada pelajar terpilih pada 13 Disember 2022, di grand Petra 1, Residensi, UTM Kuala Lumpur. Selanjutnya, UTM Holdings juga telah menyerahkan sumbangan sebanyak RM8,000 ke Tabung Endowmen. Sumbangan tersebut merupakan lima peratus daripada keuntungan pengajian Konsert Jamal Abdillah.

UTMART JUAL PELBAGAI CENDERAHATI DAN PRODUK UTM

Pengurusan Universiti telah meluluskan cadangan mewujudkan UTMart bagi menjalankan fungsi Kedai Universiti yang telah lama tidak beroperasi atas beberapa kekangan. Pengoperasian dan pengurusan UTMart ini telah diamanahkan kepada Unit Endowmen sebagai salah satu kaedah penjanaan Tabung Endowmen UTM. Segala keuntungan daripada hasil jualan di UTMart akan dimasukkan ke Tabung Endowmen UTM bagi membantu pelajar UTM yang kurang berkemampuan (B40), dan bantuan akan disalurkan dalam pelbagai bentuk mengikut keperluan pelajar.

UTMart UTM Johor Bahru terletak di Foyer Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim, dan dibuka pada hari Ahad-Rabu jam 8.15 pagi – 4.45 petang, hari Khamis 8.15 pagi - 3.15 petang, dan ditutup pada hari Jumaat, Sabtu dan cuti umum. Dalam waktu terdekat UTMart UTM Kuala Lumpur akan dibuka di ruang legar, Residensi UTM Kuala Lumpur.

Selain menjual pelbagai cenderahati UTM yang menarik dengan harga yang amat berpatutan, UTMart turut menjual produk yang dikeluarkan oleh syarikat hiliran (*spin off company*) UTM, seperti DERMAGs, GoSwiet, buku yang diterbitkan dalam projek khas, minuman ringan, dan sebagainya. Barang di UTMart boleh dibeli secara walk-in, atau membuat pesanan melalui whatApps (019-5031043), e-dagang @ shopee, dan emel ke endowmen@utm.my.

Semua warga UTM dan masyarakat adalah dijemput dan dialu-alukan mendapatkan pelbagai barang di UTMart kerana selain membeli dan mendapatkan barang yang diperlukan, pembeli juga secara tidak langsung telah bersedekah (keuntungan jualan untuk bantu pelajar kurang berkemampuan) tanpa mengeluarkan wang tambahan.

MEMBELI SAMBIL BERAMAL



JUTAAN TERIMA KASIH

Kepada Para Penyumbang

BANTULAH ENDOWMEN UTM

Pada Tahun 2023 diharapkan 1,500 staf UTM menyumbang ke Tabung Endowmen UTM melalui potongan gaji bulanan.

Bilangan staf UTM yang menyumbang ke Tabung Endowmen UTM melalui potongan gaji bulanan terus meningkat, dan sehingga November 2022, sebanyak 913 orang staf telah membuat sumbangan melalui potongan gaji bulanan dengan jumlah sumbangan RM27,756.69 sebulan. Di bawah ialah syarikat dan individu yang telah banyak menyumbang ke Tabung Endowmen UTM, termasuk staf yang menyumbang RM50.00 ke atas sebulan melalui potongan gaji. Syukur alhamdulillah dan jutaan terima kasih kepada semua yang telah menyumbang ke Tabung Endowmen UTM, khususnya juga kepada staf UTM yang menyumbang secara tetap melalui potongan gaji dengan jumlah sumbangan bawah RM50.00 sebulan.

Abd Latif Saleh, Abu Bakar Mohd Salleh, Amalina Ramli, Amira Huda Amran, Arifah Bahar, Azmi Aris, Aznah Nor Anuar, Dzulhelmi Mohd Razali, Hajar Alias, Haslaile Abdullah, Herlina Abdul Rahim, Hishamuddin Mohd Ali, Ilya Khairanis Othman, Jasman Zainal, Khairulnizam M. Idris, Maslin Masrom, Mat Uzir Wahid, Mohamad syazli Fathi, Mohd Fazilah Abdullah, Mohd Fitri Mohd Yakub, Mohd Hafiz Habi Buddin, Mohd Shafry Mohd Rahim, Mohd Sharial Bungsu, Muhammad Irfan Shahrin, Nafizah Abdul Rahiman, Nazlina Ya'aini, Noor Amirul Amin Ahmad, Noraini Othman, Nor Idiana Hamidi, Norhadija Darwin, Norhaida Hamdan, Norhayati Abdullah, Norlaili Mat Safri, Normal Mat Jusoh, Othman Zainon, Ramlah Mahidin, Rozana Zakaria, Sahnius Usman, Salwa Abdul Fatah, Sarimah Ismail, Shamsuri Sidek, Sharifah Hafizah Syed Ariffin, Siti Norlina Muhamad, Siti Zaharah Salleh, Siti Zura A Jalil, Sumiaty Ambran, Yusof Boon, Zainuddin Abd Manan, Zaleha Atan, Zulkifli Yusop, Zukarnaen Abd Malek, Zuraini Ali Shah, Ahmad Qushairi Mohamad, Amalina Ramli, Arifah Bahar, Ezza Syuhada Saizali, Faezah Mohd Salleh, Faridah Mustapha, Ganesan A/L Krishnan, Goh Kian Mau, Hazri Bakhtiar, Huszalina Hussin, Lim Yeou Jian, Madihah Md Salleh, Mohammad Faisal Mohd Basir, Mohd Bakri Bakar, Mohd Farizal Ahmad Kamaroddin, Nor Haniza Sarmin, Normah Maan, Nuriza Ab. Latif, Nursyafreena Attan, Rosnita Muhammad, See Hong Heng, Shajarahtunnur Jamil, Siti Sarah Safaa, Suhairul Hashim, Syazwani Itri Amran.



Yayasan Azman Hashim, AmBank Berhad, Johor Port Berhad, Kiswire,
QSR Brands (M) Holding Bhd,
KEJORA, Yayasan Johor Corporation, Malakoff, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Maha Persada, Sapura Kencana, Astaka Padu, Bidari Kekal Sdn. Bhd., MBSB, Affin Bank, Bank Muamalat Malaysia Berhad

Zaini Ujang, Abu Bakar Mohd Nor, Azman Hj. Mokhtar, Ahmad Fauzi Ismail, Wahid Omar, Siti Hamisah Tapsir, Zainai Mohamed, Abd Majid A Kadir, Mohd Zaki Kamsah, Durrishah Idrus, Zainuddin Nawawi

Yap Yung Szen, Zaiton Abdul Majid, Zaitul Marlizawati Zainuddin, Zarina Mohd Khalid, Zuhaila Ismail, Azman Mohamed, Libriati Zardasti, Nor Zurairahetty Mohd Yunus, Nordin Yahaya, Aishah Abd Jalil, Eraricar Salleh, Hajar Alias, Mat Uzir Wahid, Muhammed Yusuf Shahul Hamid, Norasikin Othman, Rosnani Hasham@Hisam, Umi Aisah Asli, Wan Norhayati Wan Salleh, Seriaznati Mat Said, Zaliza Mohamad Nasir, Arifah Ali, Azanizawati Ma'aram, Engku Mohammad Nazim Engku Abu Bakar, Haslinda Mohamed Kamar, Intan Zaurah Mat Darus, Izman Sudin, Jafri Mohd Rohani, Jamaludin Hj. Mohd Taib, Maziah Mohamad, Mohd Zubil Bahak, Natrah Kamaruzaman, Nor Akmal Facil, Norizah Redzuan, Nur Izwanne Mahyron, Syed Ahmad Helmi Syed Hassan, Tuty Asma Abu Bakar, Zainab Asus, Zaini Ahmad, Zair Asrar Ahmad, Zulkepile Muhamad, Anazida Zainal, Aryati Bakri, Azlan Mohd Zain, Hazrin Kutty Mammi, Hishammuddin Asmuni@Hasnumi, Jumail Taliba, Mohd Adham Isa, Muhammad Iqbal Tariq Idris, Norazizah Ali, Nor Erne Nazira Bazin, Nor Haizan Mohamed Radzi, Nor Hawaniyah Zakaria, Noraini Ibrahim, Norsham Idris, Razana Alwee, Rohayanti Hassan, Roliana Ibrahim, Rozilawati Dollah@Md Zain, Ruhaiddah Samudsini, Shahida Sulaiman, Siti Zaiton Mohd Hashim, Wan Mohd Nasir Wan Kadir, Zuraini Ali Shah, Azri Azmi, Faizir Ramlie, Habibah@Norehan Haron, Hayati@Habibah Abdul Talib, Nor Raihana Mohd Ali, Norzila Megat Mohd Zainuddin, Robiah Ahmad, Roslina Mohammad, Azari Mat Yasir, Dzurllkanian@Zulkarnaen Daud, Lee Yoke Lai, Mohammad Rafiee Majid, Mohd Hamdan Ahmad, Mohd Saidin Misran, Muhammad Zaly Shah Muhammed Hussin, Nor'an Misran, Nur Emma Mustaffa, Nurshikin Mohamad Shukery, Salfarina Samsudin, Sapura Mohamad, Tajul Ariffin Musa, Wan Yusryzal Wan Ibrahim, Ahmad Nabil Md Nasir, Chuzairy Hanri, Hadijah Jaffri, Najua Syuhada Ahmad Alhassora, Nurul Aini Mohd Ahyani, Rohaya Talib, Sarimah Ismail, Yusri Kamini, Asril Izami Azmi, Eileen Su Lee Ming, Izam Kamisian, Kumeresan A/L Damapalasingam, Md Pauzi Abdullah, Mohamad Kamal A. Rahim, Mohd Zaki Daud, Mona Riza Mohd Esu, Muhammad Nadzir Marsono, Nasarudin Ahmad, Norhafizah Ramli, Norlina Paraman, Nurul Ashikin Abdul Kadir, Zaharah Johari, Zaharuddin Mohamed, Aizreena Azaman, Asnida Abdul Wahab, Maheza Irna Mohamad Salim, Mariaulpa Sahalan, Mas Linda Yunos, Norhana Jusoh, Siti Aisyah Mudaffi, Haliza Zainal, Haslina Nasir, Khairulbahiyah Yaakub, Narina A. Samah, Nazirinda A. Samah, Nor Asikin Mohamad, Siti Latifah Mohd Kusin, Zaleha Atan, Arief Salleh Rosman, Kawtar Abdalla Mohammed Ahmed Bayou, Mohd Fauzi Abu@Hussin, Siti Norlina Muhamad, Ramona Abd Rahim, Siti Suhaila Ihwani, Ahmad Jusoh, Amirul Ashaari, Batiah Mahadi, Khalil Md Nor, Noorminshah A.Iahad, Nor Zafir Md Salleh, Noriza Mohd Jamal@Kamar, Normal Mat Jusoh, Nursyazwani Mohd Fuzi, Rahaizat Baharun, Suraya Miskon, Rose Alinda Alias, Khamarul Azahari Razak, Mariam Firdaus Mad Nordin, Mohamed Mahmoud El-Sayed Nasef, Nor Ruwaida Jamian, Norhuda Abdul Manaf, Nur fatehah Wahyuni Che Jusoh, Rasli Abd Ghani, Rosahimeri Rasit Ali, Shaza Eva Mohamad, Siti Hamidah Mohd Setapar, Faizah Mohd Fakhruddin, Farah Adibah Ibrahim, Lily Suriani Mohd Arif, Mohd Azhar Abd Hamid, Norashikin Mahmud, Nur Shahda Md. Esu, Roziana Shaari, Siti Aisyah Panatik, Zulkifli Hamisan@Khair, Asmadi Tumpang, Halijah Ibrahim, Ahmad Faiz Mohammad, Farah Liana Mohd Redzuan, Mohamed Sukri Mat Ali, Mohd Fitri Mohd Yakub, Nurshafinaz Mohd Maruai, Sheikh Ahmad Zaki Shaikh Salim, Farahwahida Mohd Yusof, Sevia Mahdaliza Idrus Sultan Nameh, Zaidatun Tasir.

UTM TAWAR 64 BIASISWA ENDOWMEN

Pada sesi akademik 2022/2023, UTM menawarkan pelbagai berasiswa kepada pelajar baharu, khususnya pelajar cemerlang dan kurang berkemampuan (B40). Tarawan biasiswa tersebut telah dihebahkan kepada umum, dan permohonan dibuka mulai 29 September – 15 Oktober 2022. Sebanyak 64 Biasiswa Endowmen UTM ditawarkan pada sesi akademik 2022/2023 dengan taburannya seperti di bawah.

BIL.	NAMA BIASISWA	BIL. BIASISWA DITAWARKAN
1.	Biasiswa Endowmen Azman Hashim	30
2.	Biasiswa Endowmen Merdeka	18
3.	Biasiswa Endowmen Al-Bukhary	7
4.	Biasiswa Endowmen Alumni UTM	7
5.	Biasiswa Endowmen Saripah Ahmad	1
6.	Biasiswa Endowmen Zainab Baba	1
JUMLAH		64



Pada 14-19 Disember 2022, sesi Temubual Biasiswa Endowmen sesi akademik 2022/2023 telah diadakan. Sesi temubual yang dipengerusikan oleh PM Dr. Yusof Boon, Pengarah Unit Endowmen, dengan dibantu oleh beberapa orang ahli panel, iaitu PM Dr. Ahmad Che Yaacob, Pengarah Pusat Islam UTM, PM Dr. Che Rozid Mamat, Pengarah Pusat Kerjaya, Dr. Zulfikar Ahmad, Pengarah Pusat Kaunseling, Pn. Hanifah Ahmad, Tim. Pendaftar Kanan JTNCAA, En. Kamsani Kamaruddin, Tim. Pengarah Unit UTMAalumni, dan Tuan Haji Armadi Ahmad, Pengarah Pusat Kecemerlangan Sukan, telah diadakan bersama hampir 200 pemohon yang terpilih dalam senarai pendek yang dibuat. Sesi temubual turut dibantu oleh En. Arman Md Yasin, Tim. Pendaftar Kanan dan Puan Norsita Zakaria, Pen. Pendaftar Kanan dari JTNCHEP, serta En. Baharudin Mastari, Tim. Pendaftar Unit Endowmen, selaku urusetia.

Jangan Ketinggalan

TAWARAN MEMILIKI SAHAM AKHIRAT

Unit Endowmen, Bahagian Pemajuan, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), Universiti Teknologi Malaysia amat mengalu-alukan dan menjemput staf, alumni, pelajar yang berkemampuan, individu, organisasi dan syarikat, memiliki dan mengumpulkan saham akhirat dengan menghulurkan sumbangan ke Tabung Endowmen UTM bagi membantu pelajar UTM yang kurang berkemampuan (B40) dan amat memerlukan bantuan. Setiap sumbangan yang disalurkan ke Tabung Endowmen UTM amat dihargai dan diucapkan jutaan terima kasih.

Setiap sumbangan yang disalurkan ke Tabung Endowmen UTM layak mendapat pengecualian cukai pendapatan di bawah seksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Mohon emelkan slip bayaran beserta nama penuh dan alamat ke: endowmen@utm.my

SUMBANGAN KE TABUNG ENDOWMEN BOLEH DISALURKAN MELALUI Kaedah Seperti Berikut :

- 1** **Pindahan Tunai Secara Elektronik / Eff Ke Akaun Universiti Teknologi Malaysia Di :**

AMBANK ISLAMIC BERHAD
8881 0209 83100



RHB ISLAMIC BANK BERHAD
2510 8500 0073 62



BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD
0108 0001 6147 16



- 2** **CEK BANK**

NAMA PENERIMA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



- 3** **APLIKASI UTMSMART**

Pertanyaan & maklumat lanjut sila hubungi: **07-5531024/31043/30283**